



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

05 Ramadhan 1441 / 29 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu , 05 Ramadhan 1441H bersamaan 29 April 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**

2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **Jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal kepada 124 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **13 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 279 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 13,428 ujian.
4. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **satu kes** yang sedemikian telah disahkan positif semula pada hari ini dan **satu kes** telah dibenarkan pulang. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai 22 orang di mana **7 orang masih** menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
5. Setakat 29 April 2020, sebanyak 4,310 ujian COVID-19 rambang bagi tujuan surveilans telah dijalankan dikalangan pekerja asing dan mereka yang hadir untuk mendapatkan rawatan di Pusat-pusat Kesihatan yang mana keputusannya adalah semua negatif.
6. Sementara itu, mengenai dengan mesej yang tular berkenaan dengan kes yang telah disahkan sebagai COVID-19 di Limbang, Sarawak, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa kes ini masih dalam siasatan. Dalam pada itu, kontek kes di Negara Brunei

Darussalam telah disahkan negatif bagi COVID-19. Kementerian Kesihatan pada masa ini masih menjalankan siasatan lanjut termasuk mencari kontek-kontek yang lain. Dengan itu, jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai kes tersebut untuk menghubungi Kementerian Talian Kesihatan 148. Di sini mengambil kesempatan untuk mengingatkan orang ramai untuk tidak menyebarkan maklumat yang palsu yang mana adalah menjadi satu kesalahan.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita semua dirahmati di bulan Ramadhan yang mulia ini dan segala amalan kita di terima

Allah Subhanahu WaTa'Ala jua. Aamiin Ya Rabbal Alamiin

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 05 Ramadhan 1441H / 29 April 2020